

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 4, 2019 9:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Tiga Kembar Bersaudara Dan OKU Cemerlang Gembira Lanjut Pengajian Di UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 SEPTEMBER 2019 / 4 MUHARAM 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

TIGA KEMBAR BERSAUDARA DAN OKU CEMERLANG GEMBIRA LANJUT PENGAJIAN DI UUM



UUM ONLINE: Walaupun terpaksa berpisah jauh dari keluarga, namun demi menggapai cita-cita sebagai pensyarah, tiga kembar bersaudara dari Johor tetap teruja apabila menerima tawaran melanjutkan pengajian ke Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi Sesi Akademik 2019/2020, semalam.

Kembar sulung, Intan Nur Liyana Suhaimi dan kembar bongsu, Intan Nur Syazrina mengikuti program Sarjana Muda Kaunseling, manakala kembar ketiga, Intan Nur Fazrina mengambil

program Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dan kembar kedua mereka pula, Intan Nur Diyana mendapat tawaran di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Rembau, Negeri Sembilan.

Intan Nur Liyana berkata, pada mulanya mereka berasa sedih apabila terpaksa berpisah dengan seorang kembar mereka itu sehingga mereka empat beradik menangis kesedihan selama empat hari.

"Kami tidak pernah berpisah sejak kecil lagi dan apabila duduk berjauhan seperti sekarang telah meninggalkan kesan kepada kami semua sebagai kembar, namun memikirkan impian yang ingin dicapai, kami berempat saling memujuk antara satu sama lain.

"Adik kembar saya, Intan Nur Diyana mula mendaftar di UiTM pada 25 Ogos lalu dan hampir setiap malam kami akan membuat panggilan video untuk melihat perkembangan masing-masing," katanya ketika ditemui di Minggu Suai Kenal Pelajar Baharu di Inapan Siswa (INASIS) Petronas.

Tambah Intan Nur Syazrina pula, mereka gembira apabila dapat meneruskan pengajian di UUM walaupun terpaksa berjauhan dengan keluarga dan Intan Nur Diyana.

Menurutnya, UUM merupakan universiti pertama yang menjadi pilihan mereka berempat tetapi hanya tiga daripadanya sahaja yang menerima tawaran kemasukan tersebut.

Namun, katanya, mereka tetap bersyukur kerana berpeluang melanjutkan pengajian ke menara gading dan berharap cita-cita menjadi pensyarah akan tercapai.

Selain tiga kembar tersebut, UUM juga menerima sepasang kembar dari Kelantan iaitu Yap Houng Minn dan Yap Houng Ying yang mengikuti program Sarjana Muda Sains (Multimedia).

Sementara itu, kebergantungan sepenuhnya ke atas kerusi roda tidak menghalang Nur Nabilah Shaik Abdul Jalil dari Alor Setar untuk menerima tawaran belajar di universiti ini.

Anak sulung kepada Shaik Abdul Jalil Abu Tahir dan Shahina Bagum Syed Mohamed itu menghadapi masalah tulang belakang sejak kecil hingga menyukarkan dia untuk berjalan.

"Saya gembira apabila mendapat tawaran kemasukan ke UUM yang menjadi pilihan pertama semasa mengisi UPU, apatah lagi apabila mengetahui universiti ini menyediakan kemudahan lengkap untuk pelajar OKU seperti saya.

"Sehingga kini, saya masih menjalani rawatan fisioterapi setiap minggu, namun saya bersyukur kerana UUM membenarkan pembantu yang diupah keluarga untuk menemani saya menjalani fisioterapi setiap minggu di INASIS," katanya yang mengambil program Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat).

Nur Nabilah menghidap penyakit '*spina befida*' sejak lahir sehinggalah pada usia 12 tahun keadaannya menjadi semakin teruk selepas terjatuh di bilik air.

Anak sulung daripada enam beradik itu merupakan antara pelajar terbaik dari Kolej Tingkatan Enam Sultan Sallehuddin dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) 4.0 pada STPM lalu.

UUM telah menerima kemasukan seramai 4,856 pelajar baharu yang akan mengikuti 41 program pengajian di peringkat Sarjana Muda bagi Sesi Akademik 2019/2020.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.